


MODUL 1 : KENALI DIRI

Pengisian :

1. Kenali bahagian otak yang dominan pada diri anda :
 - (Kanan/Kiri).
2. Kenali cara pembelajaran yang sesuai dengan anda :
 - Visual
 - Audio
 - Kinestatik

1. Potensi Otak

Otak boleh dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu otak kiri dan kanan. Setiap bahagian mempunyai fungsi-fungsi yang berbeza seperti di bawah,

| Otak Kiri | | Otak Kanan |
|--------------------------------|---|-------------------------------|
| Berfikir secara urutan |  | Berfikir secara keseluruhan |
| Analisis terperinci | | Globalisasi |
| Matematik | | Seni, Muzik |
| Logik | | Imiginasi |
| Berfikir menggunakan perkataan | | Berfikir menggunakan gambaran |
| Mengingati Lirik Lagu | | Menghayati lagu |
| Prosedur | | Mudah |
| Teliti | | Abstrak |
| Struktur | | Kemanusiaan |
| | | |

Setiap orang menggunakan kedua-dua belah otak ini tetapi bahagian manakah yang aktif? Cara yang paling mudah untuk menentukan anda dominan otak kiri atau kanan adalah dengan mengenalpasti sama ada anda meminati matapelajaran Matematik (angka) atau Sejarah (ayat). Bagi yang meminati 'angka' adalah tergolong dominan otak kiri dan yang meminati 'ayat' dominan otak kanan. Kajian menunjukkan menggunakan kedua-dua belah otak kiri dan kanan menyebabkan otak menjadi semakin aktif dan mampu untuk mengingat dengan lebih lama. Cara belajar di sekolah sekarang ini lebih menumpukan kepada penggunaan otak kiri. Jarang sekali pelajar menggunakan otak kanan sewaktu belajar dan mengulangkaji pelajaran. Contohnya sewaktu mengajar perkataan kucing, pelajar hanya akan tertumpu kepada ejaan perkataan tersebut tanpa menggambarkan objek kucing itu sendiri. Menggunakan hanya otak kiri akan menjemukan dan boleh melahirkan perasaan malas. Terutama sekali kepada pelajar yang dominan otak kanan. Bagaimana untuk menggunakan otak

kanan dan kiri dalam pelajaran? Persoalan ini akan terjawab pada bahagian yang akan datang dalam bab Daya Ingatan.